

Projek persimpangan bertingkat punca banjir



Penduduk kampung terpaksa meredah air berikutan banjir yang melanda Peringgit, semalam.

➔ MBMB, JPS diminta naik taraf sistem pengaliran air ke sungai

tahun 2014, ramai penduduk terpaksa menerima malapetaka ini (banjir) kerana sejak itu, hampir sepuluh kali banjir di kawasan ini," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Beliau turut mencadangkan pihak Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) menaik taraf longkang di kawasan terjejas selain Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengkaji semula sistem pengaliran air ke sungai.

Selenggara sistem perparitan

Penduduk Kampung Peringgit, Nor Azman Mohamed Sultan, 35, berkata kebanyakan barangan di dalam rumah seperti permaidani dan sofa tidak sempat diselamatkan berikutan hujan tidak berhenti selama dua jam.

"Banjir kerap berlaku dan rumah saya turut dinaiki banjir menyebabkan perabot termasuk dua almari, katil dan mesin basuh rosak sebelum ini," katanya yang tinggal bersama ibunya, Aminah Raihan Ali, 64, sejak tahun 1975.

Sementara itu, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ismail Othman ketika dihubungi berkata, kontraktor bagi projek berkenaan sudah diarahkan menyelenggara sistem perparitan di kawasan itu supaya laluan air ke Sungai Melaka tidak tersekat.

"Bagaimanapun, saya akan memeriksa sendiri keadaan sistem perparitan di kawasan terjejas esok (hari ini) bagi memastikan sama ada ia dilaksanakan atau sebaliknya," katanya.

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan
fhatihah@bh.com.my
Melaka

Kira-kira 450 penduduk daripada 150 rumah membabitkan lapan kawasan perumahan di Peringgit, Bukit Piatu dan Batu Berendam terjejas banjir akibat hujan melanda lokasi berkenaan sejak jam 5 pagi, semalam.

Lapan kawasan yang terjejas itu antaranya Kampung Pulau Kelapa, Kampung Batu Hampar, Kampung Peringgit, Kampung Solok Balik Bukit, Taman Laksamana Peringgit dan Peringgit Point, manakala dua lagi di Kampung Bukit Piatu, Bukit Piatu dan Taman Jati, Bukit Berendam.

Ketua (Sidang) Kampung Pulau Kelapa, Shaari Abu, 55, berkata kekerapan banjir yang melanda kampung berkenaan ibarat mimpi buruk bagi kira-kira 120 penduduk yang mendiami 40 rumah di kawasan itu.

"Pihak berkenaan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) perlu mengambil kira semula perkara ini. Sejak projek persimpangan bertingkat dilaksanakan

Fakta nombor
450 PENDUDUK terjejas banjir

8 KAWASAN perumahan terjejas

Edisi Khas

愛家 HOME+love™

Pameran Kediaman dan Gaya Hidup

RENOVASI DAN PEMBAIKPULIHAN REKA BENTUK DAN DEKORASI

KEHIDUPAN | BERGAYA

Lebih Tawaran Hebat, Lebih Jimat, Lebih Hadiah Lumayan

LEBIH DARIPADA
1000
JENAMA

25-28 OGOS 2016

PWTC **4 HARI SAHAJA**

Khamis - Ahad • 10pg. - 9mim.

Dewan 1-3, Dewan Grandeur A&B

SEMUANYA DI SINI

WOW! 4 HARI
DAFTAR & MENANG

Daftarlah di kaunter daftar HOMElove dan anda berpeluang memenangi hadiah yang menakjubkan setiap hari.

* Terletak kepada tema dan syarat imej adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

JAMINAN HADIAH

Bagi setiap pembelian bernilai RM 1,000 ke atas, anda layak untuk menebus hadiah menarik! Semakin tinggi pembelian, semakin tinggi nilai hadiah yang akan diperolehi.

* Terletak kepada tema dan syarat imej adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

PERCUMA

Satu air botol HOMElove edisi khas dengan setiap pembelian RM 500 ke atas.

* Semantara stok masih ada. Imej adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Penaja: **ALPHA** **BeyondArona** **FOTILE** **GETHA** **HATCH** **Panasonic** **SIGNATURE KITCHEN** **Teka** A Day in A Real Life.

Pengorgan: **Emprise** | +603.7859.7822

www.homelove.com.my | HOMELoveExhibition